



## UPSI bantu 5,387 murid di Perak melalui Program Anak Kita

**Tanjong Malim, 29 Januari** - Seramai 5,387 murid sekolah rendah dan menengah menerima Kit Peranti dan Modul 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) pada Program Anak Kita peringkat negeri menerusi rakan pelaksana, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah berkata, program ini melibatkan 1,874 murid dari 141 buah sekolah menengah dan 3,513 murid dari 104 buah sekolah rendah di sekitar negeri ini.

Menurutnya, program itu sejajar dengan usaha kerajaan dalam memastikan pendidikan berkualiti untuk semua dan tiada anak yang tercincir akibat kekangan teknologi atau kekangan kewangan.

"Bantuan kelas bimbingan, peranti, modul dan pelan internet percuma selama setahun bagi pelajar sekolah menengah membantu meningkatkan prestasi akademik murid manakala penyediaan modul kepada murid pemulihan sekolah rendah dan guru bitara sebagai guru sokongan kepada guru pemulihan di sekolah.

"Selain itu, bantuan tersebut dilihat mampu membantu murid dalam mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program Anak Kita: Penyerahan Kit Peranti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 dan Modul 3M Negeri Perak di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah), Zainal Abas dan Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Sementara itu, Md Amin berkata, UPSI bukan sahaja diberi mandat untuk menjadi penyedia perkhidmatan bagi Program Anak Kita: SPM di Perak tetapi juga Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah.

"UPSI komited untuk membantu meningkatkan tahap pendidikan generasi yang akan menjadi pemacu negara pada masa hadapan, malah program ini antara inisiatif yang terbaik oleh kerajaan bagi memastikan tiada kecinciran dalam bidang pendidikan di Malaysia.

Program Anak Kita adalah inisiatif Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang diterajui oleh Pantau Madani dan Yayasan Hasanah dalam usaha menangani isu pemulihran pembelajaran dalam kalangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Bentuk Generasi Berintegriti: Inisiatif SPRM, UUM dan UPSI

**Kuala Lumpur, 24 Januari** - pasukan penyelidik yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd Azrin Mohd Nasir dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan lima orang penyelidik bersama iaitu Profesor Madya Dr. Norruzeyati Che Mohd Nasir (UUM), Profesor Madya Dr. Nor Hasimah Ismail (UUM), Profesor Madya Dr. Abdul Halim Masnan (UPSI), Profesor Madya Dr. Azizah Zain (UPSI) dan Dr. Hapsah Md Yusof (UPSI) telah membentangkan hasil kajian bertajuk "Pembinaan Modul Interaktif Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah." Kajian ini merupakan usaha penting yang

dibiayai melalui geran Penyelidikan Bahagian Pendidikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membentuk kesedaran integriti sejak usia awal.

Melalui kajian ini satu modul interaktif dibangunkan untuk membantu guru prasekolah menyemai nilai-nilai murni seperti amanah, jujur, baik hati, dan tidak mengambil hak orang lain. Selain jalan cerita yang menarik, buku ini turut dilengkapi aktiviti interaktif seperti soalan berbentuk permainan, seperti kuiz dan aktiviti refleksi terhadap nilai-nilai yang dipelajari. Pendekatan ini membolehkan kanak-kanak memahami konsep nilai murni dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

buku cerita interaktif bertajuk "Sebuah Kejujuran." Buku ini direka khusus untuk kanak-kanak prasekolah dan mengintegrasikan empat nilai murni utama, iaitu amanah, jujur, baik hati, dan tidak mengambil hak orang lain.

Selain jalan cerita yang menarik, buku ini turut dilengkapi aktiviti interaktif seperti soalan berbentuk permainan, seperti kuiz dan aktiviti refleksi terhadap nilai-nilai yang dipelajari. Pendekatan ini membolehkan kanak-kanak memahami konsep nilai murni dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

## Global Storyteller Arena: Kukuhkan Hubungan Dua Universiti Asia

**Tanjong Malim, 29 Januari** - Global Storyteller Arena (GloSA) merupakan salah satu program berkonseptan pertandingan bercerita peringkat antarabangsa yang melibatkan kerjasama antara Persatuan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan Universitas Islam Negeri (UIN) Mahmud Yunus Batu Sangkar, Indonesia.

Melalui kerjasama ini program GloSA

mengeratkan interaksi antara dua negara jiran beserta meningkatkan lagi jaringan dalam pendidikan dengan lebih luas.

Pelaksanaan program GloSA ini merupakan julung kalinya dilaksanakan oleh persatuan DPAKK dengan universiti Asia walaupun menggunakan medium secara atas talian, tetapi banyak pengalaman, perkongsian dan nilai tambah yang diperoleh oleh mahasiswa kedua-dua universiti ini. Objektif utama program GloSA

menggilap bakat mahasiswa UPSI dan juga UIN dalam menyampaikan cerita melalui kreativiti sendiri. Selain itu, dapat memupuk dan memberi peluang kepada mahasiswa dalam menyerlahkan bakat mereka sekaligus dapat meningkatkan kemahiran komunikasi. Program GloSA yang mendapat penajaan bersama Hasan Bookstore ini telah dihadiri seramai 350 orang melibatkan mahasiswa UPSI dan UIN secara atas talian iaitu platform Google Meet.



## Modul Wise Start Ciptaan UPSI Bantu Aktiviti Sesuai Tahap Perkembangan Kanak-kanak

Modul Wise Start yang bermotokan merintis masa hadapan dihasilkan oleh Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ia merupakan modul yang direkabentuk bertujuan memberi panduan kepada pendidik dan ibu bapa bagi melaksanakan aktiviti yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Produk ini terdiri daripada empat (4) modul mengikut perkembangan umur (0-12 bulan, 1-2 tahun, 2-3 tahun dan 3-4 tahun), merangkumi 120 aktiviti serta lengkap dengan borang penilaian.


Modul Wise Start adalah hasil inovasi asli daripada penyelidikan dan pengalaman pendidik-pendidik di NCDRC, UPSI. Produk ini menjanji kelainan berbanding produk lain kerana:

- Terdiri daripada enam (6) tunjang pembelajaran berdasarkan Kurikulum PERMATA-Bahasa, Komunikasi & Literasi Awal, Matematik Awal & Pemikiran Logik, Kreativiti & Nilai Estetika, Sosio-Emosi & Kerohanian, Deria & Pemahaman Dunia Persekutuan, Fizikal & Psikomotor.

- Integrasi dengan Sistem Pangkalan Data Kanak-kanak Kebangsaan yang digunakan seluruh Malaysia.
- Mesra pengguna kerana mempunyai QR untuk manual pengguna, aktiviti yang menarik dan mudah, serta sesuai untuk pembelajaran kanak-kanak sama ada di rumah/pusat asuhan.
- Produk mempunyai sijil hak cipta dan telah mendapat

pengiktirafan peringkat kebangsaan dan antarabangsa (International Learning Innovation Competition (PIP 2019) – emas, International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA) – 2019 – perak dan Malaysia Technology Expo – perak.

Modul Wise Start NCDRC adalah hasil daripada pengalaman para pendidik yang terdiri daripada Pn. Noraida Othman, Pn. Nur Hidayah Shazira Mohd Shukor, Dr. Syazwani Aniyah Manja, Pn. Noreime Mokhtar, Pn. Mimi Baijura Mohd Yusuff, Pn. Zatil Hidayah Haji Hamizi, Pn. Jagath Janani a/p Gnanasekharan, Pn. Nurul Husmi Sulaiman, Pn. Nursyazwani Ismail dan Pn. Noor Sharizad Rohaizad.



إِنَّا إِلَيْهِ رَاجُونَ

"DariNya kita datang dan kepadaNya juga kita kembali"

## TAKZIAH

kepada seluruh keluarga

**ALLAHYARHAM  
PROFESOR MADYA DR.  
HUSNI BIN IBRAHIM  
PESARA UPSI PENSYARAH  
FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

telah pulang ke rahmatullah pada

**4 FEBRUARI 2025 (SELASA)**



**Program Eksplorasi Sinematik:  
Meneroka Dunia Pengetahuan  
Perkukuh Ukhwah Pelajar**



**Kajian UPSI Dedah Perkaitan  
Kecergasan dan Akademik Atlet  
Pelajar**



**Profesor Universiti of Split,  
Croatia, Kongsi Teknik  
Tingkatkan Teknik dan  
Kekuatan Tumbukan bersama  
Atlet Taekwondo UPSI**



**Pendidikan Kalis Masa Hadapan:  
Latihan dalam Perkhidmatan di  
Sekolah Swasta Sri Bestari**

